

AMAR MAKRUF NAHI MUNGKAR

Umat Islam berdepan dengan pelbagai cabaran dalam kehidupan seharian, termasuk masalah sosial, keruntuhan akhlak, dan pengaruh budaya luar yang bertentangan dengan ajaran Islam. Dalam menghadapi semua ini, Islam mengajar umatnya untuk menjalankan tanggungjawab amar makruf nahi mungkar, iaitu mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Tanggungjawab ini bukan sekadar tugas para ulama atau pemimpin sahaja, tetapi melibatkan setiap individu Muslim. Firman Allah *Subhanahu wata'ala*:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ...

Maksudnya: "Kamu (wahai umat Muhammad) ialah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk (faedah) umat manusia (kerana) kamu menyuruh melakukan segala perkara yang baik (makruf) dan kamu mencegah daripada melakukan segala perkara yang buruk dan keji (mungkar) serta kamu beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar keimanan)..."

(Surah Aali 'Imran 3:110)

Namun, masih ramai yang kurang faham bagaimana cara sebenar untuk melaksanakan amar makruf nahi mungkar dengan betul dan berhikmah. Ada yang terlalu keras sehingga menimbulkan kebencian, dan ada pula yang terlalu lembut atau langsung tidak peduli. Oleh itu, penting untuk kita memahami ajaran Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* melalui hadis-hadis yang menjelaskan panduan dan cara yang sesuai dalam melaksanakan tanggungjawab ini.

JABATAN MUFTI SARAWAK

Dalam sebuah hadis, Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا، فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ، فَلْيَسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ، فَلْيُغَيِّرْهُ بِلِسَانِهِ، وَذَلِكَ أَوْفَى الْإِيمَانِ

Maksudnya: “Sesiapa dalam kalangan kamu melihat kemungkaran, maka ubahkannya kemungkaran dengan tangannya, sekiranya tidak mampu, maka cegahlah dengan lidahnya, jika tidak mampu juga maka cegahlah dengan hatinya, dan itu (cegah menggunakan hati) merupakan selemah-lemah iman.”

(Hadis Riwayat Muslim, no. 49)

Hadis ini memberikan panduan jelas bahawa mencegah kemungkaran harus dilakukan berdasarkan kemampuan. Tangan merujuk kepada kuasa atau autoriti, lidah merujuk kepada nasihat dan peringatan, manakala hati melambangkan penolakan hati terhadap kemungkaran. Hadis ini membuktikan bahawa tidak ada alasan bagi umat Islam untuk berdiam diri terhadap maksiat dan penyelewengan.

Pencegahan kemungkaran turut dijelaskan oleh Nabi Muhammad *Sallallahu ‘alaihi wasallam* dalam sebuah hadis:

مَثَلُ الْقَائِمِ عَلَى حُدُودِ اللَّهِ وَالْوَاقِعِ فِيهَا كَمَثَلِ قَوْمٍ اسْتَهَمُوا عَلَى سَفِينَةٍ، فَأَصَابَ بَعْضُهُمْ أَعْلَاهَا وَبَعْضُهُمْ أَسْفَلَهَا، فَكَانَ الَّذِينَ فِي أَسْفَلِهَا إِذَا اسْتَقَوْا مِنَ الْمَاءِ مَرُّوا عَلَى مَنْ فَوْقَهُمْ فَقَالُوا لَوْ أَنَّا خَرَقْنَا فِي نَصِيبِنَا خَرْقًا، وَلَمْ نُؤْذِ مَنْ فَوْقَنَا، فَإِنْ يَتْرَكُوهُمْ وَمَا أَرَادُوا هَلَكُوا جَمِيعًا، وَإِنْ أَخَذُوا عَلَى أَيْدِيهِمْ نَجَوْا وَنَجَوْا جَمِيعًا

Maksudnya: “Perumpamaan orang yang memelihara batas-batas larangan Allah dan orang yang melanggarnya adalah seperti satu kaum yang berundi untuk menaiki sebuah kapal. Sebahagian mereka mendapat bahagian di bahagian atas kapal dan sebahagian lagi di bahagian bawah. Golongan yang berada di bawah, apabila mereka memerlukan air, mereka perlu melalui orang-orang yang berada di atas. Lalu mereka berkata: ‘Sekiranya kita membuat satu lubang pada bahagian kita (di bawah), nescaya kita tidak akan menyusahkan orang di atas.’ Jika mereka dibiarkan melakukan apa yang mereka kehendaki, maka binasalah mereka semua; tetapi jika mereka dicegah, maka mereka selamat dan semua pun selamat.”

(Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 2493)

Hadis ini menggambarkan bahawa kemungkarannya yang tidak dicegah akan membawa kebinasaan kolektif kepada seluruh masyarakat, bukan sekadar kepada pelakunya sahaja.

Sementara itu, Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

إِذَا عُمِلَتْ الْخَطِيئَةُ فِي الْأَرْضِ كَانَ مَنْ شَهِدَهَا فَكْرَهَا . وَقَالَ مَرَّةً " أَنْكَرَهَا " ، كَمَنْ غَابَ عَنْهَا وَمَنْ غَابَ عَنْهَا فَرَضِيهَا كَانَ كَمَنْ شَهِدَهَا

Maksudnya: “Apabila satu maksiat dilakukan di atas muka bumi, maka sesiapa yang menyaksikannya lalu membencinya, atau dalam satu lafaz: mengingkarinya, maka dia seolah-olah tidak hadir ketika ia dilakukan. Dan sesiapa yang tidak hadir ketika maksiat itu berlaku tetapi dia redha kepadanya, maka dia seolah-olah turut menyaksikannya.”

(Hadis Riwayat Abu Daud, no. 4345)

Hadis ini menekankan aspek keikhlasan hati dalam menolak kemungkarannya. Redha terhadap kemungkarannya menjadikan seseorang itu turut terlibat secara moral dalam dosa tersebut. Ini memperkukuh hakikat bahawa bukan sahaja tindakan luaran penting, bahkan keimanan juga memainkan peranan dalam amar makruf nahi mungkar.

Kesemua hadis yang dibincangkan menunjukkan bahawa pelaksanaan amar makruf nahi mungkar bukanlah suatu tuntutan yang bersifat mutlak, sebaliknya ia bergantung kepada kemampuan, kedudukan serta konteks seseorang. Namun, sikap tidak melaksanakannya langsung atau bersikap tidak peduli terhadap kemungkarannya merupakan tanda kelemahan iman dan boleh menjadi pencetus kepada keruntuhan sosial. Oleh itu, tanggungjawab sosial umat Islam berpaksikan usaha membentuk budaya masyarakat yang peka terhadap dosa dan kemungkarannya. Pendekatan yang berhikmah, berlandaskan ilmu serta mempertimbangkan implikasi yang mungkin timbul amat penting agar tidak mencetuskan fitnah atau konflik yang lebih besar.

Tambahan pula, dalam perkara maksiat yang telah disepakati oleh para ulama sebagai haram seperti minum arak, kewajiban meninggalkannya serta mencegah sesiapa sahaja dalam kalangan Muslim daripada meminum, menjual atau membelinya adalah jelas. Namun, bagi perkara yang masih diperselisihkan status hukumnya dalam kalangan ulama, penentuan sama ada ia termasuk dalam kategori maksiat atau tidak, seperti permainan catur perlu ditetapkan oleh pihak pemerintah yang berautoriti yang berasaskan hujah, dalil serta pertimbangan masalah umum. Di sinilah letaknya peranan pemerintah dalam memutuskan hukum bagi perkara yang diperselisihkan, demi menjaga kemaslahatan umat Islam dan memastikan pelaksanaan amar makruf nahi mungkar dapat dilakukan secara teratur, berhikmah dan berpaksikan prinsip syariah.

Sebagai kesimpulan, dengan mengamalkan amar makruf nahi mungkar, umat Islam dapat mengekalkan kestabilan moral dan memastikan masyarakat kekal berada di landasan yang diredhai Allah *Subhanahu wata'ala*. Hadis-hadis ini mengingatkan kita bahawa setiap Muslim mempunyai peranan dalam menyebarkan kebaikan dan mencegah kemungkaran. Peranan ini sebaiknya dilakukan dengan penuh hikmah dan kasih sayang, selaras dengan akhlak Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*. Dengan komitmen bersama, kita mampu menyumbang ke arah pembentukan masyarakat Islam yang lebih bermaruah dan dihormati.

Wallahu 'alam.

جَابِرٌ مُّفْتِي سَرَاوَقِ
JABATAN MUFTI SARAWAK